

Berita-berita ringkas dari Alam Islami

Kerajaan Pakistan di dalam suatu siaran rasminya telah menyatakan cita-citanya untuk menubuhkan sebuah Universiti Arab (dengan menggunakan bahasa pengantarnya Bahasa Arab) bertempat di ibu negara Pakistan Islam-abad. Langkah permulaan bagi melaksanakan rancangan tersebut telahpun siap. Untuk menyempurnakan rancangan itu di dalam peringkatnya yang terakhir, maka suatu “Lembaga Penglaksanaan” yang terdiri daripada pakar-pakar di dalam ilmu pembinaan dan pendidikan telahpun ditubuhkan.

* * *

Dari semasa kesemua kerajaan Pakistan sangat menitik-beratkan supaya rakyat-rakyat yang cenderung di dalam lapangan agama mempelajari bahasa Arab dengan sedalam-dalamnya. Menurut statistik terakhir yang dijalankan pada tahun yang lalu di dalam seluruh Pakistan didapati lebih daripada seratus buah “Maahad Alami” yang mengajar bahasa Arab dan bahasa Parsi. Murid-murid yang belajar di dalam maahad-maahad tersebut diajar hukum-hukum agama dengan bahasa Arab.

Kerajaan Pakistan dengan rasminya telah mengakui diploma-diploma dan ijazah-ijazah kelulusan dari “Maahad-Maahad Alami” yang menggunakan bahasa Arab itu. Dan kesemua murid-murid yang lulus daripadanya diterima memegang jawatan di pejabat-pejabat pemerintah di dalam segala jurusan. Mereka yang berkebolehan di dalam ilmu pendidikan Islam dikirim ke seluruh

negara-negara Islam bertugas untuk memperkembangkan ajaran-ajaran agama Islam kepada kaum Muslimin yang masih buta agama, khasnya di negara-negara Afrika.

* * *

Dari Baitul Maqdis diberitakan, bahawa Pejabat Kementerian Luar Israel mengemukakan bahawa kerajaan Soviet Russia telah menuntut kepada kerajaan Israel supaya membayar kepada kerajaan Soviet Russia wang tunai berjumlah satu *million Dollar* sebagai menjelaskan baki hutang sekeping tanah yang telah dijual oleh kerajaan Soviet Russia kepada Israel. Tanah itu ialah dimiliki oleh beberapa buah gereja Russia di Baitul Maqdis yang telah ditawan oleh Israel dari tangan orang-orang Arab di dalam Peperangan Arab-Israel yang telah berlaku di dalam bulan Jun 1967 yang lalu.

* * *

Penduduk negeri Mesir yang telah terkenal sekarang dengan nama “Republik Arab Bersatu” pada akhir bulan Oktober 1967 yang lalu telah meningkat ke angka 31 *million* 167 ribu jiwa. Bilangan ini telah disiarkan dengan rasminya oleh “Lembaga Banci Negara” melalui *gazette* kerajaan.

Dengan ini ternyata dalam masa tujuh belas bulan yang lalu penduduk negara seluruhnya telah bertambah sebanyak satu *million* 83 ribu jiwa. Jumlah penduduk di Kota Kaherah sahaja pada akhir bulan Oktober yang lalu telah

meningkat kepada 4 *million* 443 ribu jiwa.

* * *

Satu berita dari Kaherah menyatakan, bahawa pihak yang berkuasa Mesir akan membebaskan 1,000 orang daripada anggota “Persatuan Ikhwanul Muslimin” yang telah ditangkap di sepanjang tahun 1965. Mereka telah menerima hukum penjara selepas satu perbicaraan dijalankan ke atas mereka. Beberapa orang daripada mereka yang terdiri dari pemimpin-pemimpin tertinggi Persatuan Ikhwanul Muslimin yang telah diharamkan itu dijatuhkan hukuman bunuh. Di antara mereka itu termasuklah Al-*Shahid* Syed Qutb seorang pejuang dan penulis Islam yang terkenal di seluruh dunia Arab.

* * *

Berita dari Amman menyatakan, bahawa Dewan Rakyat di dalam sidangnyanya yang berlangsung di dalam bulan November 1967 yang lalu dengan sebulat suara telah mengambil keputusan menubuhkan sebuah “Pusat Tentera Wataniah” bagi persediaan menghadapi sebarang serangan dari Israel. Setiap pemuda Jordan yang berumur antara 18 hingga 40 tahun diwajibkan mesti mendaftarkan diri bagi memasuki barisan tentera wataniah yang baharu ditubuhkan itu. Masa perkhidmatan yang diwajibkan selama dua tahun.

Satu perjanjian persahabatan

di antara Maghribi (Morocco) dan Nigeria telah dimeteraikan di ibu kota kedua-dua negeri tersebut. Perjanjian persahabatan ini dibuat ialah hasil dari perundingan secara utus-mengutus di antara *al-Malik* Hassan Raja Morocco dengan Tuan Hamani Diori *President* Nigeria.

* * *

Surat khabar harian “al Gomhuria”

dari Kaherah telah menyiarkan satu berita penting mengenai persetujuan Jeneral Shaker Mahmoud Menteri Pertahanan¹ Republik Arab Bersatu menerima kedatangan satu rombongan tentera Iraq ke Kaherah kerana mengadakan rundingan bagi memperteguhkan tenaga kerjasama di antara kedua-dua negara di lapangan tentera dan pertahanan.

Seterusnya “al Gomhuria” menyatakan bahawa rombongan tentera Iraq yang akan berangkat dari Kota Baghdad menuju Kaherah dalam masa tiada berapa lama lagi itu akan diketuai oleh Jeneral Abdul Qadir Yasin pemangku ketua angkatan bersenjata Iraq dengan diiringi oleh beberapa pembesar-pembesar tentera yang lain.

* * *

Al-Sayyid Akram Zuaiter Menteri Negara

Jordan telah selamat pulang ke tanah airnya, setelah berada beberapa mengikut di luar negeri kerana mengadakan lawatan mahabah ke Iran, Afghanistan, Malaysia dan Indonesia. Kepada ketua-ketua negara negeri-negeri yang dilawatinya itu beliau telah menyampaikan perutusan-perutusan peribadi khas daripada *al-Malik* Hussain Raja Jordan.

Setibanya ke Amman – ibu kota negara Jordan – beliau telah menerangkan bahawa sekalian ketua-ketua negara-negara Islam yang

telah dilawatinya menyokong penuh perjuangan rakyat Arab menentang Yahudi. Mereka mensifatkan perjuangan seluruh rakyat Arab di Palestin dan sekitarnya adalah perjuangan mereka. Dengan tidak ragu-ragu lagi mereka sedia memberikan bantuan-bantuan berupa tenaga, kebendaan dan semangat kepada bangsa Arab yang seagama dengan mereka demi untuk mengembalikan tanah suci Baitul Maqdis yang telah dirampas oleh tentera-tentera Israel di dalam Peperangan Arab – Israel pada tahun yang lalu.

* * *

Dari Baghdad diberitakan bahawa kerajaan Iraq sentiasa mengharapkan perhubungan-perhubungan yang rapat di antara negara-negara tetangga dapat diperkuatkan dengan lebih erat lagi. Sebagai langkah pertama ke arah tujuan ini pemimpin-pemimpin negara Iraq telah mengadakan suatu persidangan secara persahabatan dengan pemimpin-pemimpin negara Iraq telah mengadakan suatu persidangan secara persahabatan dengan pemimpin-pemimpin negara Turki yang sejak beberapa lama dahulu telah memutuskan perhubungan diplomatiknya dengan negara-negara Arab disebabkan pergolakan politik di Timur Tengah.

Bagi melicinkan cita-cita yang baik ini, maka pada musim panas yang lalu *President* Iraq Tuan Abdul Rahman Arif telah mengadakan lawatan rasmi ke negara Turki, hasil dari lawatan tersebut suatu perjanjian kerjasama di bidang perniagaan dan kebudayaan telah dimeteraikan oleh kedua-dua kerajaan tersebut.

* * *

Satu rombongan orang-orang perantauan

Islam yang bermastautin di Jerman Barat diketuai oleh al-Sayyid Muhammad Siddiq pada bulan yang lalu telah tiba di Libya untuk mengadakan beberapa perundingan dengan pembesar-pembesar negara Libya di dalam masalah-masalah mengenai membina sebuah

masjid, sebuah *kulliyah Islamiyyah*, sebuah khutubkhanah dan sebuah sekolah rendah Islam di Kota Munich.

* * *

Satu rombongan tentera Algeria yang

telah diundang khas oleh pemerintah Tunis bagi menghadiri keramaian memperingati ulang tahun yang keempat keluarnya tentera Perancis dari Pangkalan Perang Bizerte telah tiba ke Tunis. Sewaktu akan berangkat pulang ketua rombongan Tentera Algeria (al-Sayyid Abdul Ghani) telah telah² memberikan suatu kenyataan ringkas mengenai perayaan tersebut. Di antara lain beliau berkata:

“Dalam masa lawatan kami ke negeri ini – walaupun masa lawatan kami itu pendek – kami telah berkesempatan bertukar-tukar fikiran dengan saudara-saudara kami yang terdiri dari panglima-panglima angkatan bersenjata Tunis, dengan pembesar-pembesar negara yang diketuai oleh *President* al Habib Bourguiba. Kami telah berkesempatan pula meninjau betapa kukuhnya hubungan-hubungan yang telah terjalin di antara kedua-dua negeri yang bersuara dari sejak zaman berzaman terutama di dalam perjuangan merebut kemerdekaan di negara Afrika Utara dari cengkaman kuku besi penjajahan. Kami telah menyaksikan dengan bangganya tentang usaha-usaha pembangunan yang telah dilancarkan oleh seluruh rakyat Tunis di dalam segala lapangan. Kami sungguh kagum melihat keagungan angkatan bersenjata Tunis yang begitu gagah dengan senjata-senjata barunya yang serba-serbi moden. Kami tidak merasa ragu-ragu lagi akan terus menghulurkan tenaga kerjasama kami dengan rakyat Tunis demi untuk kemuliaan bangsa Arab dan seluruh umat Islam”.

¹ Nama sebenarnya adalah Mahmoud Shaker, dan beliau bukanlah Menteri Pertahanan, sebaliknya Timbalan Menteri Pertahanan.

² Pengulangan perkataan telah.